

# USIM adakan lawatan balas penanda aras ke UMS

UB 25.10.2018 B2


KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Perumahan Pelajar menerima Lawatan Balas Penanda Aras Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ke UMS pada 12 Oktober 2018.

Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan dan perkongsian maklumat berkaitan dengan pengurusan pentadbiran kolej kediaman yg merangkumi aspek penyelenggaraan, pendaftaran pelajar, aset dan inventori, pengurusan kafetaria dan lain-lain

berkaitan kolej kediaman. Lawatan ini diketuai oleh Pengarah Pusat Perumahan Pelajar USIM Ahmad Kamal Mustafa.

Seramai 14 orang kakitangan USIM yang terdiri daripada pengetua kolej dan kakitangan Pusat Perumahan Pelajar USIM menyertai rombongan lawatan berkenaan.

Ketua Bahagian Perumahan Pelajar UMS Alvin Azril Mahat mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian pihak USIM datang bertandang membuat sesi lawatan balas penanda aras di UMS.



**SESI bergambar bersama rombongan lawatan USIM.**

(Gambar kiri) **ALVIN** Azril menyampaikan cendera kenangan kepada Ahmad Kamal.

